

dan kecukupan protokol serta proses sedia ada, di samping memupuk budaya pengurusan krisis yang proaktif dan pembelajaran berterusan.

SC turut menjalankan beberapa kajian tematik mendalam mengenai topik-topik berkaitan, termasuk tarif AS, pemulihan ekonomi China, serta penyahdolaran dan implikasinya terhadap pasaran modal Malaysia. Usaha-usaha ini turut dilengkapi dengan libat urus bersama pihak berkepentingan industri bagi mendapatkan pandangan tentang risiko pasaran semasa atau yang sedang muncul.

Dengan komitmen untuk mengurus risiko sistemik secara proaktif, SC telah menerbitkan Tinjauan Kestabilan Pasaran Modal yang keempat pada suku pertama 2026. Penerbitan ini membincangkan landskap risiko pasaran modal Malaysia, dengan menyorot pemacu utama risiko sistemik serta memberikan pandangan kepada pihak berkepentingan dalam mengemudi keadaan pasaran yang semakin berubah.

PENGUMPULAN MODAL

Ekuiti

Pasaran ekuiti Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2025, dengan sejumlah 60 tawaran awam awal (IPO) diselesaikan, meningkat daripada 55 pada tahun 2024. Ini mencerminkan saluran IPO yang kukuh serta keyakinan berterusan daripada penerbit dan pelabur terhadap pasaran modal Malaysia. Hasilnya, Malaysia muncul sebagai pasaran IPO teratas di ASEAN dari segi bilangan penyenaian, sekali gus mencatat jumlah IPO tahunan tertinggi sejak tahun 2005.

Daripada penyenaian baharu pada tahun 2025, 11 adalah di Pasaran Utama, 44 di Pasaran ACE dan lima di Pasaran LEAP.

Kelulusan IPO ketara pada tahun 2025

Di antara IPO yang diluluskan, terdapat tiga yang ketara:

1. **ECO-Shop Marketing Bhd**, sebuah syarikat peruncit yang mengkhusus dalam barangan runcit dan keperluan harian, berjaya mengumpul RM0.97 bilion, menjadikannya pengumpulan dana keempat terbesar di ASEAN bagi tahun 2025 serta menarik perhatian serantau yang ketara.
2. **Paradigm Real Estate Investment Trust (REIT)**, dengan portfolio tiga hartanah runcit utama bernilai RM2.4 bilion dan permodalan pasaran

sebanyak RM1.60 bilion, mengumpul RM0.56 bilion pada tahun 2025, sekali gus menjadi antara IPO REIT terbesar di Malaysia dalam tempoh lebih sedekad.

3. **Cuckoo International Malaysia Bhd**, sebuah syarikat produk rumah dan elektronik berbilang saluran, mengumpul RM0.39 bilion, menjadikannya IPO kelapan terbesar di ASEAN bagi tahun 2025.

Tahun ini turut menyaksikan penyenaian berjaya UMS Integration Ltd, sebuah firma kejuruteraan dan pembuatan berketepatan tinggi bersepadu untuk industri semikonduktor dan aeroangkasa. Syarikat ini menjadi syarikat tersenarai Singapura pertama yang memperoleh penyenaian sekunder di Bursa Malaysia, sekali gus memperluas akses pelabur dan meningkatkan kecairan pasaran.

Pencapaian ini menegaskan keteguhan dan kualiti pasaran ekuiti Malaysia, serta mencerminkan keupayaannya menarik penerbit domestik yang mapan dan minat pelabur serantau. Digabungkan dengan jumlah IPO tertinggi di ASEAN, prestasi ini mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab pelaburan utama bagi aktiviti pengumpulan modal dan pelaburan (Jadual 1).

SC turut mendaftarkan 22 prospektus ekuiti pada tahun 2025, yang merangkumi 10 IPO dan 12 prospektus ringkas (Jadual 1).

JADUAL 1
Pendaftaran prospektus

Pendaftaran prospektus ekuiti	2025	2024
Prospektus IPO	10	11
Prospektus ringkas	12	13
Jumlah pendaftaran	22	24

Pada tahun 2025, SC menerima 24 permohonan ekuiti, dengan 15 daripadanya bagi tujuan IPO dan sembilan bagi pemindahan penyenaian ke Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Bhd. Sebanyak lapan permohonan telah dibawa ke hadapan dari tahun 2024 (Jadual 2). Jumlah permohonan yang stabil mencerminkan momentum pengumpulan modal yang berterusan serta minat pasaran yang kekal kukuh.

Secara purata, enam pusingan pertanyaan telah dikemukakan semasa memproses setiap permohonan ekuiti yang dipertimbangkan, dan 97% daripadanya dikemukakan dalam tempoh piagam masa yang ditetapkan (Jadual 3).

JADUAL 2
Permohonan ekuiti

Bilangan permohonan	2025	2024
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	8	9
Diterima sepanjang tahun	24	20
Jumlah permohonan untuk pertimbangan	32	29
Diluluskan sepanjang tahun	21	21
Tidak diluluskan sepanjang tahun	1	-
Dipulangkan sepanjang tahun	-	-
Jumlah permohonan yang dipertimbangkan	22	21
Ditarik balik sepanjang tahun	(1)	-
Luput (melempi tempoh sah laku enam bulan)	(1)	-
Dibawa ke hadapan ke tahun berikutnya	8	8

JADUAL 3
Prestasi piagam perkhidmatan – permohonan ekuiti

Perkhidmatan	Langkah	Sasaran	Hasil	
			2025	2024
Pemprosesan permohonan ekuiti	% permohonan diproses dalam piagam masa ¹	90%	97%	99%

¹ Berdasarkan bilangan pertanyaan yang dikeluarkan:
(i) pusingan pertama pertanyaan yang dibangkitkan dalam tempoh 10 MD daripada penerimaan penyerahan lengkap; dan
(ii) pertanyaan berikutnya yang dibangkitkan dalam tempoh lima MD selepas menerima balasan lengkap.
² Menurut *Rangka Kerja Serah dan Simpan bagi Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai* (Rangka Kerja LOLA).

Bon Korporat dan Sukuk

JADUAL 4
Serahan bon korporat dan sukuk

Berd denominasi Ringgit	Bilangan serahan		Amaun nominal (RM bilion)	
	2025	2024	2025	2024
Serahan sepanjang tahun	82	86	256.97*	165.89
Bon korporat	26	23	64.33	48.80
Sukuk	50	61	105.15	115.59
Gabungan	6	2	87.50	1.50
Berd denominasi mata wang asing	Bilangan serahan		Amaun nominal (bilion)	
	2025	2024	2025	2024
Serahan sepanjang tahun	5	1	AS\$67.00	AS\$35.00
			RMB10.00	
Bon korporat	3	-	AS\$22.00	-
			RMB10.00	
Sukuk	1	1	AS\$45.00	AS\$35.00
Gabungan	-	-	-	-

Nota:
* Jumlah mungkin tidak sepadan disebabkan pembundaran.

Pada tahun 2025, jumlah serahan bon korporat dan sukuk² kekal stabil dengan 87 serahan dibuat kepada SC, selaras dengan tahun sebelumnya.

Jumlah saiz kemudahan yang diserahkan kepada SC pada tahun 2025 adalah jauh lebih besar berbanding tahun sebelumnya, merangkumi instrumen yang berdenominasi Ringgit berjumlah RM256.97 bilion serta instrumen yang berdenominasi dalam mata wang asing berjumlah AS\$67.00 bilion dan RMB10.00 bilion. Sukuk merangkumi 59% daripada jumlah serahan, serta 41% daripada nilai nominal bagi instrumen yang berdenominasi Ringgit (sukuk RM105.15 bilion; jumlah RM256.97 bilion) dan 67% daripada nilai nominal bagi instrumen yang berdenominasi dalam AS\$ (sukuk AS\$45.00 bilion; jumlah AS\$67.00 bilion) (Jadual 4).

SC juga menerima satu permohonan bon korporat dengan jumlah nominal RM0.09 bilion pada tahun 2025. Permohonan tersebut telah dipertimbangkan dan diluluskan setakat akhir tahun (Jadual 5).

JADUAL 5

Bilangan permohonan	Bon korporat		Sukuk	
	2025	2024	2025	2024
Amaun nominal (RM bilion)	0.09	-	-	-
Untuk pertimbangan	1	-	-	-
Diterima sepanjang tahun	1	-	-	-
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	-	-	-	-
Dipertimbangkan sepanjang tahun	1	-	-	-
Diluluskan	1	-	-	-
Tidak diluluskan	-	-	-	-
Dipulangkan	-	-	-	-
Lain-lain	-	-	-	-
Ditarik balik	-	-	-	-
Dibawa ke hadapan ke tahun berikutnya	-	-	-	-

JADUAL 6

Dokumen berkaitan bon korporat dan sukuk

Bilangan dokumen	2025	2024
Serahan surat ikatan amanah/ surat ikatan amanah tambahan	117	118
Deposit memorandum maklumat/ serahan dokumen pendedahan	64	61
Serahan helaian sorotan produk	4	1
Pendaftaran prospektus ringkas	1	1
JUMLAH	186	181

Sebanyak 186 dokumen telah diterima pada tahun 2025 berbanding 181 dokumen pada tahun 2024, mewakili peningkatan 3% dalam dokumen berkaitan bon korporat dan sukuk yang diterima oleh SC.

Pengambilalihan dan Penggabungan

SC mentadbir *Kod Pengambilalihan dan Penggabungan Malaysia 2016* serta *Peraturan mengenai Pengambilalihan, Penggabungan dan Pemerolehan Wajib* (Peraturan Pengambilalihan) dengan objektif utama untuk memelihara pasaran yang adil dan telus. Rangka kerja ini memastikan layanan yang adil kepada semua pemegang saham dan menggalakkan pendedahan yang mencukupi bagi menyokong pembuatan keputusan yang berinformasi dalam urus niaga berkaitan pengambilalihan.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada mandatnya, SC menyemak dasar pengambilalihan secara berkala bagi memastikan keperluan dan amalan sedia ada kekal relevan dalam menyediakan rangka kerja yang teratur untuk pelaksanaan aktiviti pengambilalihan dan penggabungan.

JADUAL 7

Pengambilalihan, penggabungan dan pemerolehan wajib

Permohonan dan dokumen dipertimbangkan	2025	2024
Kelulusan dokumen tawaran/skim	19	21
Kelulusan pekeliling nasihat bebas (IAC)	24	29
Kelulusan pekeliling whitewash ³	6	7
Permohonan pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori	20	22
Permohonan lain	16	18
JUMLAH	85	97

³ Whitewash merujuk kepada pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori yang timbul daripada terbitan sekuriti baharu, yang diluluskan oleh SC tertakluk kepada pemenuhan syarat yang ditetapkan termasuk kelulusan daripada pemegang bebas di mesyuarat agung.

JADUAL 8
Prestasi piagam perkhidmatan – pengambilalihan dan penggabungan

Langkah	Sasaran	Hasil	
		2025	2024
Dokumen tawaran diluluskan dalam tempoh 21 hari kalendar dari penerimaan notis tawaran pengambilalihan	100%	100%	100%
IAC beri tawaran pengambilalihan yang diluluskan dalam tempoh 10 hari kalendar dari tarikh penghantaran dokumen tawaran		100%	100% ⁴
Dokumen skim dan surat nasihat bebas bagi skim yang diluluskan dalam tempoh 35 hari kalendar dari tarikh pengumuman oleh lembaga pengarah penerima tawaran untuk membentangkan resolusi bagi skim tersebut kepada pemegang saham untuk kelulusan		100%	100%

Pada tahun 2025, SC telah menilai 85 permohonan di bawah Peraturan Pengambilalihan, berbanding 97 permohonan pada tahun 2024. Penyederhanaan ini sebahagiannya didorong oleh peningkatan ketidaktentuan global susulan pengumuman tarif besar-besaran oleh AS pada awal April 2025, yang menyumbang kepada ketidaktentuan pasaran serta memperlahankan aktiviti korporat.

SC telah meluluskan 19 dokumen tawaran dengan jumlah nilai tawaran⁵ RM11.26 bilion, dengan purata RM592.72 juta bagi setiap tawaran. Jumlah ini adalah jauh lebih rendah berbanding RM18.22 bilion pada tahun sebelumnya yang melibatkan 21 tawaran (purata RM867.69 juta bagi setiap tawaran). Penurunan ketara ini sebahagian besarnya disebabkan ketiadaan urusan niaga berskala luar biasa seperti yang dilihat pada tahun 2024, iaitu tawaran pengambilalihan sukarela ke atas Malaysia Airports Holdings Bhd bernilai RM12.30 bilion dan pengambilalihan mandatori ke atas LPI Capital Bhd bernilai RM2.18 bilion. Lima tawaran pada tahun ini telah dilaksanakan melalui skim, berbanding hanya satu skim pada tahun 2024.

Urus niaga terbesar ialah tawaran pengambilalihan sukarela bersyarat oleh Genting Bhd untuk memperoleh semua baki saham dalam Genting Malaysia Bhd (Tawaran GENM). Tawaran tersebut bernilai RM6.74 bilion, mewakili 60% daripada jumlah nilai tawaran bagi tahun tersebut.

Ini diikuti oleh tawaran pengambilalihan sukarela ke atas Apex Healthcare Bhd dengan nilai tawaran RM1.88 bilion, yang melibatkan pihak asing sebagai pengambil alih dan pengambil alih muftamad bersama. Tawaran tersebut memperoleh penerimaan yang mencukupi untuk membolehkan pengambilalihan mandatori ke atas baki saham dilaksanakan serta membolehkan syarikat itu dinyahsenarai daripada Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Satu lagi urusan niaga penting ialah tawaran pengambilalihan sukarela tanpa syarat oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ke atas FGV Holdings Bhd (FGV) dengan nilai tawaran RM1.45 bilion. Urus niaga tersebut merupakan percubaan kedua FELDA untuk menswastakan FGV. Setelah tawaran itu dimuktamadkan, FGV telah dinyahsenarai daripada Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 28 Ogos 2025.

Daripada 19 tawaran pada tahun 2025, 15 melibatkan syarikat penerima tawaran yang tersenarai di Pasaran Utama, satu melibatkan syarikat di Pasaran ACE (Vestland Bhd), dua melibatkan syarikat di Pasaran LEAP (satu sedang memohon pemindahan ke Pasaran ACE (ICT Zone Asia Bhd) manakala satu lagi sedang memohon penswastakan (Go Innovate Asia Bhd), dan satu melibatkan sebuah syarikat awam tidak tersenarai (Nylex (Malaysia) Bhd). Dari segi sektor, sektor produk dan perkhidmatan pengguna mencatatkan jumlah nilai tawaran tertinggi sebanyak RM6.81 bilion atau kira-kira 60% daripada jumlah nilai tawaran pada tahun 2025, didorong terutamanya oleh Tawaran GENM.

SC juga telah meluluskan 24 IAC pada tahun 2025, terdiri daripada 18 IAC berkaitan tawaran pengambilalihan atau skim dan enam IAC berkaitan pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori selaras dengan prosedur whitewash (2024: 29 IAC). Selaras dengan itu, enam pekililing whitewash berkaitan pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori turut diluluskan sepanjang tahun tersebut berbanding tujuh pada tahun 2024.

Bagi permohonan berkaitan pengecualian daripada keperluan untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori, SC telah mempertimbangkan 20 permohonan

⁴ Termasuk satu permohonan dengan pelanjutan masa diberikan untuk mengemukakan IAC berkaitan tawaran sukarela kepada pemegang saham.
⁵ Nilai jumlah keseluruhan sekuriti tertakluk kepada tawaran/skim berdasarkan harga tawaran.

pada tahun 2025 (2024: 22 permohonan). Daripada jumlah ini, lapan melibatkan pengecualian *whitewash* menurut cadangan korporat, manakala 11 lagi berkaitan dengan pemerolehan saham atau pemindahan saham dalam kalangan pihak yang bertindak secara bersama. Selain itu, terdapat satu permohonan bagi pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori yang dikemukakan berdasarkan akujanji bertulis yang diperolehi untuk tidak menerima sesuatu tawaran sekiranya tawaran tersebut dibuat.

PENGURUSAN PELABURAN DAN PRODUK

Skim Pelaburan Kolektif dan Skim Persaraan Swasta

JADUAL 9

Permohonan dan serahan skim pelaburan kolektif (CIS⁶) dan skim persaraan swasta (PRS)

(i) Permohonan	Dipertimbangkan		Menunggu Pertimbangan	
	2025	2024	2025	2024
Pemberian kebenaran bagi skim pelaburan kolektif	27	40	10	9
– Dana unit amanah	26 ⁷	39 ⁸	10	8
– Dana dagangan bursa	0	1	-	-
– Amanah pelaburan hartanah	1	-	-	1
Pemberian kebenaran bagi dana persaraan swasta	3	-	-	-
Pengecualian/variasi daripada garis panduan	2	5	1	2
Permohonan lain	16 ⁹	28 ¹⁰	2	1
Pendaftaran prospektus/ dokumen penzahiran	133	133	17	18
Pendaftaran surat ikatan	70	100	13	11
JUMLAH	251	306	43	41
(ii) Serahan	Diserahkan		Dilancarkan	
	2025	2024	2025	2024
Dana borong	73	59	67	61

⁶ Terdiri daripada dana unit amanah, dana dagangan bursa, amanah pelaburan hartanah dan dana borong.

⁷ Termasuk satu dana yang turut layak sebagai dana SRI.

⁸ Termasuk tiga dana yang turut layak sebagai dana SRI.

⁹ Termasuk empat permohonan untuk mendapatkan kelayakan sebagai dana SRI.

¹⁰ Termasuk sembilan permohonan untuk mendapatkan kelayakan sebagai dana SRI.